



30 OKTOBER 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KEPENTINGAN MEMELIHARA KEWIBAWAAN NEGARA : TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA

Negara kita pada masa ini, seperti yang disebutkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel di Nassau, Bahamas baru-baru ini adalah begitu sensitif kepada setiap perkembangan yang berlaku di Asia Tenggara dan terutama kepada suatu yang mengancam kemakmuran serta keamanan kawasan kita.

Menurut Baginda lagi, rasa sensitif ini bukan saja dirasakan oleh negara kita,

malah rakan-rakan kita yang jadi negara anggota ASEAN.

Memang, sifatnya kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan penuh berdaulat kita sentiasa terdedah kepada pelbagai perhubungan yang luas dengan negara-negara asing dengan kesedaran bahawa kita sepenuhnya bertanggung-jawab ke atas kesan-kesannya. Kepekaan kita terhadap keadaan serupa ini adalah suatu yang wajar kerana kita hanyalah sebuah negara yang kecil yang penduduknya cuma lebih sedikit dua ratus ribu orang, di samping letak negara kita yang begitu strategik.

Kedudukan kita yang begitu strategik mendedahkan kita kepada setiap pergolakan serta perselisihan sama ada ia bersifat serantau mahupun antarabangsa. Keadaan antarabangsa dan kesan-kesannya mahu tidak mahu harus juga dihadapi oleh kita baik masa ini mahupun di masa akan datang. Tidak banyak masalah dunia yang dapat diandaikan kepastian serta perkembangannya secara tepat. Hubungan yang kompleks yang meliputi hubungan antara berbagai bangsa dengan latar kepentingan yang sering berbeza, menyebabkan setiap detik muncul persoalan.

Oleh kerana itu sesebuah negara tidak sama keupayaan serta kemampuan mereka dalam mempertahankan keamanan serta keutuhan wilayah masing-masing. Menyedari hal ini kita akan sentiasa

waspada. Kewaspadaan yang diperlukan ialah dalam bentuk berhati-hati dan teliti dalam menempuh pengalaman baharu sehubungan dengan perkembangan negara kita yang merdeka di mana kita dan negara kita berhadapan dengan berbagai anasir yang bersifat antarabangsa. Perhatian kita hendaklah sentiasa pada memelihara kepentingan-kepentingan kita khasnya menentukan apa jua anasir tidak akan menggugat dan seterusnya merosakkan keadaan yang selama ini kita nikmati menerusi cara hidup kita yang taat beragama, mentaati raja serta menyukai kehidupan yang sejahtera.

Kesejahteraan dan keamanan ini akan sentiasa kita pertahankan dan kekalkan dengan adanya perpaduan yang berterusan dari setiap rakyat dan penduduk negara kita yang kecil ini. Perpaduan ini memungkinkan untuk kita terus hidup dalam keadaan yang makmur, mantap dan bahagia yang nanti jadi contoh kepada negara-negara jiran bagi mereka seterusnya berusaha mengekalkan bersama perpaduan dan kemandirian negara masing-masing.

Kemandirian dan kemakmuran negara kita, dibantu lagi dengan kemandirian dan perpaduan negara-negara jiran akan memberikan ruang-ruang yang selesa untuk tambah mengeratkan persahabatan dan peningkatan kerjasama dalam bidang sosio-ekonomi dan sosio-budaya. Dengan

demikian, tindak-tanduk kita yang bersepadu dalam kepentingan bersama, sententunya mengingatkan kepada anasir-anasir luar atau kuasa-kuasa luar bahawa sesungguhnya kita adalah suatu bangsa yang cintakan keamanan, kedamaian dan ketenteraman. Bangsa yang sentiasa peka dan waspada.

Khusus mengenai negara kita yang mempunyai kepentingan bagi mempertahankan corak kenegaraan turun-temurun Melayu Islam Beraja maka sudah sententunya segala tindak-tanduk kita hendaklah sentiasa sejajar dengan konsep kenegaraan kita itu bahkan sentiasa bertujuan memeliharanya dengan pemahaman bahawa kita sama sekali tidak meniatkan corak dan isi kenegaraan kita yang sedemikian itu untuk bersaing dengan mana-mana negara baik yang jauh apatah lagi yang dekat.

Maka merasa sensitif kepada setiap perkembangan yang berlaku di Asia Tenggara, terutama kepada suatu yang mengancam kemakmuran serta keamanan kawasan kita dengan sendirinya menepati makna serta tujuan kepentingan memelihara kewibawaan negara kita yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Jika kita meniatkan untuk tujuan-tujuan bernegara secara yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala, insya-Allah kita akan mendapatkan kekuatan mengatasi sebarang cabaran terhadapnya.

AJARAN ISLAM FAKTOR BERKESAN KEKALKAN KEMANTAPAN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Usaha Kerajaan mengemban ajaran Islam di negara ini adalah menepati sasaran untuk mengukuhkan masyarakat yang berpegang kepada nilai-nilai murni. Perkara ini menjadi faktor yang sangat berkesan dalam

mengekalkan kemantapan negara kerana ia mewujudkan suasana keagamaan yang menyeluruh sama ada di peringkat Kerajaan mahupun di peringkat orang ramai.

Demikian ditegaskan oleh Pengarah Penerangan, Yang

Dimulikan Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, sewaktu mengadakan perbincangan dengan sekumpulan ahli-ahli Persatuan Saudara-Saudara Baru (Mualaf) Daerah Belait, yang mengikuti rancangan Lawatan Penerangan anjuran Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di ibu negara pada Sabtu lepas.

Menurut Yang Dimulikan Pehin, kejayaan usaha tersebut ialah kerana ia dilakukan secara berterusan, bukan secara bermusim. Lebih-lebih lagi ialah kerana Kerajaan meninggikan syiar Islam, yang mana langkah tersebut memberikan keyakinan kepada orang ramai mengenai kesungguhan semua pihak pada memelihara kedudukan serta corak negara Brunei Darussalam sebagai negara Melayu Islam Beraja.

Kerana itu, Pengarah Penerangan seterusnya berharap supaya langkah-

langkah yang mencerminkan syiar Islam terus-menerus dipelihara dan ditingkatkan dalam memajukan bidang-bidang lain bagi memelihara keyakinan orang-orang Islam sambil menjadikannya dorongan kepada orang-orang yang bukan Islam untuk menghormati ajaran Islam yang menjadi agama rasmi negara.

Lawatan Penerangan adalah suatu siri gerakan penerangan yang mempertemukan orang ramai dengan pihak berkenaan jabatan-jabatan Kerajaan. Di majlis itu peserta-peserta juga telah diberikan taklimat mengenai Konsep Negara Melayu Islam Beraja dan susunan pemerintahan negara oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan. Di sebelah petang, mereka telah dibawa melawat ke Pusat Dakwah Islamiah, di Kampong Pulaie, dan diberikan penerangan mengenai fungsi pusat tersebut oleh pegawai-pegawai kanannya.

DIDENDA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Ketua Kampong Pengiran Kerma Indera Lama di ibu negara, Pengiran Mahmud bin Pengiran Maidin, telah didenda \$2,500.00 bagi setiap kesalahan setelah didapati bersalah atas dua daripada tiga dakwaan di Mahkamah Majistret di sini pada 16 Oktober lepas.

Pengiran Mahmud berusia 40 tahun telah dengan setahunya memberikan dokumen palsu sebanyak tiga kali kepada Jabatan Perbendaharaan berhubung dengan bayaran kemajuan Pinjaman Perumahan Kerajaan dengan setahunya bertujuan untuk menipu Jabatan Perbendaharaan, iaitu satu kesalahan di bawah Bab 6(c) Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awg. Sidek bin Yahya ketika merasmikan Pameran Buku-Buku Kedutaan Asing. — Gambar oleh Harun Rashid.

Pameran Buku Sumbangan Kedutaan Asing

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pameran Buku sumbangan daripada Kedutaan asing ke negara ini kini sedang diadakan di Balai Pameran, Dewan Bahasa dan Pustaka di sini sehingga esok, 31 Oktober.

Pameran tersebut telah dibuka rasmi pada pagi Sabtu, 26 Oktober lepas oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi menjelaskan bahawa pameran selama enam hari itu adalah melambangkan persefahaman yang wujud antara Brunei Darussalam dengan negara-negara sahabat. Ianya juga diadakan sebagai penghargaan atas sumbangan mereka, selain dari memamerkannya kepada orang

ramai.

Perpustakaan, katanya, bukan saja menyediakan buku-buku sebagai bahan bacaan, rujukan dan sebagainya tetapi juga sebagai usaha mewujudkan persefahaman antara negara-negara. Lima buah Kedutaan asing yang menyumbangkan buku-buku tersebut ialah India, Jepun, Korea, Pakistan dan Australia. Lebih 300 buah buku telah dipamerkan dalam pameran itu.

MESYUARAT DITUNDA

MESYUARAT Agung Persatuan Automobil Brunei bagi 1986/1987 yang dijadualkan berlangsung pada jam 9.00 pagi, 3 November depan di Stadium Negara Hassanah Bolkliah, adalah ditunda kepada jam 2.00 petang pada hari yang sama.



PENGARAH Penerangan, YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Hj Awg. Badaruddin, menerima sumbangan derma dari ketua rombongan Persatuan Saudara-Saudara Baru Daerah Belait untuk Tabung Anak-Anak Cacat. — Gambar oleh Harun Rashid.



SAUDARA-saudara baru (Mualaf) dari Daerah Belait bergambar ramai bersama-sama pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan dan Pusat Dakwah Islamiah ketika rombongan itu membuat lawatan ke pusat tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.



TIMBALAN Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan ketika melancarkan Jambori Di Udara. — Gambar oleh Rabae Sabli.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Dalam Negeri Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd. Daud merasmikan Jambori Di Udara yang pertama bagi Daerah Temburong.

100 pengakap sertai Jambori Udara

PEKAN BANGAR. — Kira-kira 100 orang pengakap di daerah ini untuk pertama kali telah menyertai Jambori di Udara di Dewan Kemasyarakatan di sini pada malam Ahad, 19 Oktober lepas.

Pelancarannya telah dilakukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd. Daud yang berada di sini dalam rangka lawatan selama dua hari.

PENGURNIAAN TAMBANG HAJI BAGI PEGAWAI K'JAAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan Baginda yang berhak untuk mendapatkan pengurniaan tambang bagi menunaikan fardu haji adalah dikehendaki untuk menghadapkan

permohonan-permohonan mereka untuk dipertimbangkan bagi Musim Haji 1986 (1406 Hijrah).

Pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dibolehkan memohon tambang ini adalah terdiri dari rakyat Baginda dan telah berkhidmat selama 15 tahun dalam perkhidmatan tetap, perkhidmatan dari sebulan ke sebulan atau open vote.

Sementara pegawai-pegawai yang telah berhenti daripada perkhidmatan dengan Kerajaan dan dalam perkhidmatan bergaji hari adalah tidak berhak untuk mendapat tambang ini. Tetapi pegawai-pegawai yang telah bersara dan memenuhi syarat-syarat yang lazim sama ada berjawatan tetap, dari sebulan ke sebulan atau open vote yang telah menamatkan perkhidmatan mereka selama 15 tahun adalah berhak mendapatkan pengurniaan tambang tersebut.

Selain daripada itu, pegawai-pegawai yang memohon ini juga hendaklah belum pernah menunaikan fardu haji dengan perbelanjaan (kurnia) daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Tetapi mana-mana pegawai yang berkesempatan menunaikan fardu haji semasa menjalankan tugas sebagai Pegawai Perhubungan Haji dan lain-lain urusan Kerajaan

dibolehkan memohon tambang ini.

Pengurniaan ini adalah untuk pegawai itu sendiri dan juga untuk isterinya, jika suami yang bekerja, atau suaminya jika isterinya yang bekerja, yang menunaikan fardu haji bersama-sama dengan pegawai itu.

Manakala mereka yang telah dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu haji bagi Musim Haji 1985 (1405 Hijrah) yang tidak meneruskan pemergiannya dan berhajat untuk menunaikannya pada tahun ini (1406) adalah juga dikehendaki untuk menghantar borang permohonan yang baru bagi dipertimbangkan semula.

Pegawai-pegawai Kerajaan yang hendak memohon tambang ini sama ada yang masih berkhidmat atau sudah bersara hendaklah menghantar permohonan-permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dan hendaklah dihantar ke Jabatan Perdana Menteri tidak lewat dari 31 Disember 1985 dan permohonan-permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.

Perkhidmatan 15 tahun adalah dikira dari tarikh mula berkhidmat hinggalah kepada tarikh terakhir permohonan-permohonan diterima iaitu 31 Disember 1985.

Pemohonan untuk mendapat pengurniaan tambang ini juga mestilah dibuat dalam borang yang telah disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Peperiksaan B. Melayu Disember depan

BANDAR SERI BEGAWAN.

Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa, akan mengadakan Peperiksaan Bahasa Melayu bagi orang-orang dewasa bukan Melayu bagi tahun ini pada 2, 3 dan 4 Disember, 1985.

Calon-calon yang hendak memasuki peperiksaan ini hendaklah pelajar-pelajar Kelas Dewasa yang mempunyai kedatangan di dalam kelas-kelas yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian

Pelajaran Dewasa.

Orang-orang dewasa bukan Melayu dibolehkan memasuki peperiksaan ini dengan syarat mendapat kebenaran khas dari Penyusun Pelajaran Dewasa di Pejabat Pelajaran, Jalan Haji Basir, Pusat Ulak di sini terlebih dahulu.

Peperiksaan ini adalah bagi Darjah II, IV, VI dan tingkatan I dan II yang telah lulus dalam darjah dan tingkatan sebelumnya.

mengambil peperiksaan ini nanti. Di samping itu mereka juga dikehendaki mendaftarkan nama dengan mengisi borang yang disediakan dari guru yang mengajar dan mendapat sokongan mengenai kebolehaannya daripada guru-guru tersebut.

Calon-calon yang hendak memasuki peperiksaan ini nanti akan dikenakan bayaran sebanyak \$3.00 seorang. Manakala mereka yang bukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dikenakan bayaran tambahan sebanyak 50% daripada bayaran biasa.

Antara mata pelajaran yang akan diperiksa bagi Darjah II dan Darjah IV ialah bacaan rumi, rencana rumi, soal jawab mulut, nahu dan memahami karangan, karangan dan surat kiriman.

Sementara bagi Darjah VI, Tingkatan I dan II pula akan menghadapi peperiksaan dalam mata pelajaran bacaan rumi dan jawi, rencana rumi dan jawi, karangan dan surat kiriman, nahu, memahami karangan dan soal jawab mulut.

Peperiksaan ini nanti akan berlangsung di Sekolah Rendah Kerajaan Pusat Ulak bagi calon-calon dari Bandar Seri Begawan dan di Sekolah Menengah Mohd. Alam, Seria untuk calon-calon dari Seria dan Kuala Belait.

Pendaftaran bagi memasuki peperiksaan ini kini sedang dibuka dan akan ditutup pada hari Khamis 7 November, 1985.



MESYUARAT bagi persediaan dialog ASEAN-NEW ZEALAND di Bilik persidangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Ibu Negara — Gambar oleh Harun Rashid.

Orang cacat dirai

PULAIE. — Satu pesta meraiakan orang-orang cacat dan buta anjuran Syarikat Penerbangan Singapura telah berlangsung di Dewan Pusat Pemulihan di sini pada Ahad lepas.

Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, YDM Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussin telah menjadi tetamu kehormat di majlis tersebut.

Lebih 100 orang Pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, dari Syarikat Penerbangan Singapura, Ibu Bapa serta orang-orang cacat dan buta menghadiri pesta tersebut.

Mesyuarat Dialog ASEAN — NEW ZEALAND

BANDAR SERI BEGAWAN.

Mesyuarat persediaan bagi Dialog ASEAN — NEW ZEALAND yang ke-7 telah berlangsung di Bilik Persidangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada 22 dan 23 Oktober yang lepas. Negara Brunei Darussalam yang juga menjadi negara penyalur bagi Dialog ASEAN — NEW ZEALAND menjadi tuan rumah bagi pertama kalinya bagi mesyuarat tersebut.

Mesyuarat itu telah dihadiri oleh kira-kira 50 orang peserta yang mewakili semua negara anggota sebagai persediaan sebelum Dialog ASEAN — NEW ZEALAND yang ke-7

diadakan pada 10 — 11 Disember depan, di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat pada hari itu telah dipengerusikan oleh Awang Lim Jock Seng, Pengarah Agung ASEAN Brunei Darussalam.

Sumber yang diperolehi daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan agenda mesyuarat tersebut meliputi isu kerjasama dalam perdagangan dan kajian projek-projek baharu untuk dihadapi dalam Dialog ASEAN — NEW ZEALAND yang ke-7 nanti.

Kementerian Pembangunan terbitkan Buku Penerangan

Kementerian Pembangunan baru-baru ini telah menerbitkan sebuah buku penerangan yang akan isi kandungannya termasuk tanggungjawab-tanggungjawab utama Kementerian Pembangunan, peranan Kementerian Pembangunan dalam pembangunan negara, peranan Jabatan-Jabatan di dalam Kementerian Pembangunan serta tanggungjawab-tanggungjawab jabatan dalam Kementerian tersebut dari segi infrastruktur, sumber-sumber utama dan kegunaan tanah.

YDM Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awg. Abd. Rahman bin Dato Setia Hj. Mohd. Taib dalam kata-kata aluarnya menekankan bahawa penerbitan buku penerangan ini adalah salah satu langkah Kementerian ini untuk

mengenalnkan secara dekat tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian ini khususnya dan Kementerian Pembangunan sendiri amnya dalam usaha-usahnya untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang berkesan kepada orang ramai di Negara Brunei Darussalam ini.

"Maklumat-maklumat mengenai tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab serta usaha-usaha yang dibentangkan di dalam buku penerangan ini walaupun hanyalah secara kasar dan am sahaja, adalah diharapakan akan dapat membantu orang ramai dalam mengenal dan memahami tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab jabatan-jabatan ini dan Jabatan-Jabatan di bawahnya."

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-300

Al-Mahdi menurut pandangan Islam

KEMUDIAN Al-Allamah Al-Muhaddithu Abdullah Al-Ghumari berkata: Sekarang kita boleh ringkaskan dari hadis-hadis dan riwayat-riwayat sahabat dan tabi'in itu dan lain-lain riwayat yang kita tiada sebutkan dalam kitab kita ini, bahawa sifat-sifat dan darihal Al-Imam Al-Mahdi itu seperti berikut:

1. Nama, gelarannya dan nasabnya: Namanya Muhammad bin Abdullah, bukan namanya Ahmad gelarannya Abu Abdullah, menurut segala riwayat dia dari keturunan Sayidina Al-Hassan bin Ali Alaihimassalam (Al-Hassan cucunda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam).

Ada hadis-hadis dari hadis-hadis sahabat Osman bin Affan, 'Ammar bin Yasir, Al-'Abbas, Ummul-Fadhl Radhiallahu Anhum mengatakan bahawa Al-Mahdi itu dari keturunan Al-'Abbas bin Abdul Mutalib.

Maka ulama hadis menghimpunkan hadis yang nampak agak berlawanan, iaitu bahawa hadis-hadis yang mengatakan Al-Mahdi dari keturunan Sayidina Al-Hassan adalah sah, dan hadis-hadis yang mengatakan Al-Mahdi dari keturunan Al-'Abbas adalah dhaif, bagaimana dibuat oleh Al-Hafidz Abu Al-Hassan Ad-Adaraqutni.

Atau ditanggungkan hadis yang mengatakan dia dari keturunan Al-'Abbas iaitu Sayidina Al-'Abbas itu ada pertalian nasab dari ibu Al-Mahdi, dari itu dikatakan Al-Mahdi bapanya keturunan Sayidina Al-Hassan, dan ibunya keturunan Sayidina Al-'Abbas, bagaimana dibuat Al-Hafidz Ibnu Hajar pada menghimpunkan hadis-hadis yang nampak agak berlawanan pada zahirnya.

2. Sebab dinamakan dia Al-Mahdi:

Tiada tersebut dalam hadis Nabi sebab dinamakan dia Al-Mahdi tetapi didapati dua athar daripada sahabat,

1. Daripada Abdullah bin Shaudz berkata: Sebab dinamakan dia Al-Mahdi, kerana dia menunjukkan kepada suatu gunung dari gunung di Negeri Sham, dikeluarkan dari gua gunung itu lembaran-lembaran kitab At-Taurat, dia melawan orang-orang Yahudi dengan isi lembaran Taurat itu, maka orang-orang Yahudi tunduk, dan masuk Islam oleh satu kumpulan daripada mereka. Diriwayatkan Athar ini oleh Al-Hafidz Ad-Dani dalam sunannya.

2. Daripada Ka'ab bin 'Alqamah berkata: Sebab dinamakan dia Al-Mahdi, kerana dia menunjukkan pada suatu perkara yang telah hilang, dia mengeluarkan peti dari negeri bernama Antakiyah (peti berisi lembaran Taurat dan lain-lain). Diriwayatkan oleh Nu'aim bin Hammad dalam Kitab Al-Fitan.

3. Rupa-rupa tubuhnya dan pakaiannya:

Al-Mahdi itu seorang laki-laki tinggi tubuhnya, hitam manis, mukanya seperti bintang gemerlap moleknya dan serinya, luas dahinya, muncung hidungnya, hitam biji dua mata dan luas keduanya, halus dua bulu kening dan panjang keduanya, jauh jarak dua bulu kening tiada rapat keduanya, di pipinya ada sebijit tali lalat hitam, lebar janggutnya, berseri gigi-gigi di hadapannya, di atas salah satu bahunya ada seketul daging hitam, di atas ketul itu setumpuk rambut sebagai satu cap meteri, dua pehnya renggang jauh jarak keduanya, dia memakai baju selimut ('Abaah) jenis Qut-waniyyah, iaitu baju selimut putih singkat rambut dan bulu kainnya.

4. Tempat beranakanya dan tempat mengikat setia dengannya:

Al-Imam Al-Mahdi itu diperanakkan di Al-Madinah Al-Munawwarah, dan besar di sana, sebelum sedikit masa orang Islam mengikat setia dengannya, berlaku suatu peperangan besar di antara askar As-Sufyani, dengan orang-orang penduduk Al-Madinah Al-Munawwarah di tempat Ahjaraz-Ziat, dan kalahlah orang-orang Al-Madinah, maka Al-Imam Al-Mahdi keluar dengan suatu kumpulan lari pergi ke Mekah, kemudian datang orang-orang dari berbagai-bagai negeri kerana mengikat setia dengannya, mereka keluar dari rumah mereka di Mekah dan mengikat setia dengannya di tempat di antara Al-Hajarul-Awad dan makam Ibrahim Alaihis-Salam pada hal Al-Mahdi tiada mahu jadi pemimpin.

5. Askarnya, pasukan pengesan-pengesannya dan peperangannya:

Setelah selesai mengikat setia dengan Al-Imam Al-Mahdi, maka dia keluar dari Mekah, dalam suatu angkatan tentera kira-kira 300 lebih yakni 300 dan beberapa belas askar, menuju kerana memerangi angkatan tentera As-Sufyani yang ada di Sham, dan orang bernama Shu'aib bin Saleh Ad-Tamimi dari Negeri Khurasan (Iran sekarang) keluar dalam tiga pasukan panji-panji, di bawah tiap-tiap panji-panji itu ada 5,000 orang, kerana menguatkan ikatan setia dengan Al-Imam Al-Mahdi, dan orang bergelar Al-Hashimi keluar dari sebelah Negeri Rai (Iran) dalam satu kumpulan, dan keluar penduduk penduduk Negeri Talaan Kufah, Al-Yaman dan Tunis semuanya kerana menyokong Al-Imam Al-Mahdi, adapun tentera Shu'aib bin Saleh dan tentera Al-Hashimi bertembung di tempat Istakhar dan berlaku di antara keduanya dengan tentera As-Sufyani suatu peperangan besar, sehingga kuda-kuda menghargung darah, dan kalah tentera As-Sufyani, adapun lain-lain tentera berhimpun dengan Al-Imam Al-Mahdi di Tasik Tabariyyah (Palestin), dan

mereka mengikat setia dengan Al-Imam Al-Mahdi dan berlaku di sana suatu peperangan di antara tentera Al-Mahdi dengan tentera As-Sufyani dan kalah tentera As-Sufyani dan As-Sufyani ditawan oleh Al-Mahdi dan disembelih akan dia oleh Al-Imam Al-Mahdi, dekat Tasik Tabariyyah, hampir dengan suatu pokok di sana, dan dirampas banyak rampasan harta, dinamakan rampasan harta Kalb, kerana tentera As-Sufyani itu terdiri dari kabilah Kalb. Kemudian Al-Mahdi menghantar tentera kepada beberapa pihak, dan dia sendiri pergi ke tempat Antakiyah (Sham), dan dia tinggal di sana beberapa ketika, kerana berihat dari kepenatan peperangan, kemudian ia menuju Qustantiyyah (Istanbul) dan mengepung bandar itu seketika lamanya, kemudian dapat ditawan bandar itu dengan izin Allah Taala. Dan dia dapat banyak harta rampasan perang, (rupa-rupanya Ahli Istanbul pada masa itu telah kembali kepada kufur semula, sekarang di sana ada satu puak membuang agama sekular, ada puak kominis tiada percaya ada sesuatu agama, dan ada puak Zion atau Sahyun yang menganjurkan agama Masuni tiada beragama Wallahuaklam).

Manakala Al-Imam Al-Mahdi sedang membahagi-bahagi akan rampasan harta perang, tiba-tiba datang perkhabarannya kepadanya bahawa dajal besar bangsa Yahudi yang mengaku Tuhan telah keluar, maka Al-Imam Al-Mahdi dan tenteranya keluar menuju memerangi dajal besar bangsa Yahudi itu, maka tentera dajal besar bangsa Yahudi dapat mengepung tentera Al-Imam Al-Mahdi di Tanah Baitul-Muqaddis, berlaku kesesaran di atas tentera Al-Imam Al-Mahdi beberapa ketika, sehingga mereka tiada dapat sesuatu makanan bagi menahan nyawa dari mati kebuluran, sedang mereka dalam keadaan sengsara itu, tiba-tiba turun Nabi Isa Alaihis-Salam dari langit ketika sembahyang Subuh, maka baginda sembahyang Subuh berimamkan Al-Mahdi, kemudian baginda keluar mencari dajal besar dan memerangi akannya, dan bertaburanlah pengikut-pengikut dajal, dan kedudukan umat Islam bertambah teguh pada masa itu dan baginda memegang tampuk kerajaan umat Islam.

6. Lama masa Al-Mahdi menjadi khalifah dan umurnya:

Al-Imam Al-Mahdi menjadi khalifah umat Islam pada masa umurnya 40 tahun dan berkekalanlah ia memerintah umat Islam selama 7 atau 8 tahun atau 9 tahun, pada tahun-tahun itu rata kemakmuran dan keadilan dan mewah harta, kemudian ia mati, dan umurnya tiada lebih dari 65 tahun, dan tiada ada suatu hadis menyatakan waktu matinya itu.

7. Waktu keluarnya dan tanda-tanda keluarnya:

Adapun waktu keluarnya itu, maka tiadalah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menentukan dan mengkhabarkan. Dan dalam setengah-setengah athar sahabat ada menyatakan waktu keluarnya, tetapi tiada kita sebutkan di sini kerana athar itu tiada sah sanadnya (orang yang membawanya), dan kerana athar-athar itu menyebutkan sesuatu yang tiada bertemu dengan keadaan yang ada sebenarnya. Begitu jua orang-orang Ahli Tasawuf menentukan waktu keluarnya seperti Ibnu 'Arabi Al-Hatimi, Abdul Haq bin Sab'ain dan Ibnu Qusaimi dan lain-lain akan tetapi kata-kata mereka dalam perkara itu semata-mata Ramuz dan teka-teki, tiada dapat pembacanya akan sesuatu faedah daripadanya.

Adapun alamat-alamat keluarnya maka kita telah nyatakan dalam hadis sahabat Abi Sa'ed, Ummu Salamah, Aishah, Ummu Habibah, 'Auf bin Malik, Huzaifah dan Ali Al-Hilali, dan akhir tanda keluarnya ialah berlaku peperangan di antara orang-orang Haji di Mina sehingga mengalir banyak darah di Jamaratul Al-Aqabah, dan lepas itu terus Al-Mahdi keluar dan memegang teraju umat Islam.

Pembohong orang yang mengaku menjadi Al-Mahdi:

Dari apa yang kita sebutkan di atas dari sifat Al-Imam Al-Mahdi itu ternyata dua perkara:

1. Nyata dusta dan bohong orang yang mengaku dirinya Al-Mahdi, kerana Al-Mahdi satu orang yang tertentu bukan sebarang orang, atau dia hendakwa Al-Mahdi padahal ia tiada mempunyai sifat-sifat yang ada pada Al-Mahdi seperti Batiniyyah, Taslim, ahli kuntau, Qadiyani, Baha'i, Bahai, Ibnu Tumart, Shi'ah, dan lain-lain orang yang mendakwa Al-Mahdi dari satu ke satu masa dengan dusta dan bohong itu, sebab tiada sifat-sifat yang kita sebutkan padanya.

2. Nyata salah dan batil mana-mana orang yang mentakwilkan hadis-hadis perkara

Al-Mahdi itu diletakkannya kepada sebarang orang, yang bersifat dengan sifat hidayah dan petunjuk, dan dia menyangka bukan erti hadis-hadis itu pada seorang yang tertentu dan terkhas, tiadalah boleh bermain-main dengan hadis Nabi itu dan bercakap padanya dengan ikut suka hati, lebih busuk dari yang di atas ini, seorang berkata bahawa yang dikehendakkan dengan Al-Mahdi itu, sebarang orang yang Mahdi yakni dapat hidayat petunjuk padahal hadis-hadis perkara Al-Mahdi menyatakan bahawa sifat-sifat Mahdi, adalah tertentu dan ditujukan kepada seorang yang tertentu, (bagaimana disebutkan sifat-sifat dan namanya sebelum ini) dan mempunyai sifat-sifat yang tertentu, dengan sifat tiada syak dan tiada boleh ditanggungkan kepada sebarang orang, hendaklah diketahui menurut kaedah dalam Ilmu Hadis dan Ilmu Usul, bahawa takwil (palingkan makna sesuatu perkara atau perkataan itu) hanya boleh, apabila hadis itu tiada dapat ditanggungkan pada zahir maknanya, seperti misal apabila diertikan hadis itu dengan makna yang zahir padanya, akan membawa berlawanan makna dengan erti dan hakikat yang sebenar pada sesuatu itu, atau akan membawa mustahil pada akal (bukan pada adat), atau seumpama misal misal dan contoh-contoh yang tersebut itu dari perkara wajib di takwil atau dipesongkan maknanya dari yang zahir yang nyata itu kepada makna yang lain yang munasabah, apabila tuan perhatikan pada hadis-hadis Al-Mahdi maka akan dapati bahawa zahir maknanya menurut kaifiyyah yang tersebut yakni diletakkan ke atas seorang yang tertentu pada akhir zaman tiadalah menjadi mustahil pada adat bahkan tiada mustahil pada akal bahkan diterima oleh akal, kerana perkara-perkara dan sifat-sifat itu boleh berlaku tiada mustahil.

Barangsiapa orang tabiatnya tiada mahu tunduk pada percayakan hadis-hadis perkara Al-Mahdi, dan mestilah ia takwilkan sesuka

hatinya, maka hendaklah ia takwilkan hadis-hadis perkara Dajal (seperti Ash-Sheikh Abdub Mesir dan Ash-Sheikh Redha dan Abu 'Abyah pentashih Naskhatul Bidayah Wan-Nihayah bahagian Al-Malahim), kerana akal menghukumkan dengan mustahil padanya, bersalahan hadis-hadis perkara Al-Mahdi itu, dan hendaklah ia takwilkan juga hadis-hadis perkara turun Nabi Isa Alaihis-salam, kerana turun seorang dari langit tiada munasabah dan kerana tiada beresetuju dengan ilmu Geography (Ilmu Alam) dan dengan ilmu Falak, (sekarang orang-orang duduk di langit berpuluh-puluh hari dengan rekaan orang-orang yang kufurkan Allah dan ugama). Dan hendaklah ia takwilkan hadis-hadis perkara Yajuj dan Makjij yang zahir pada zaman Nabi Isa Alaihis-salam pada akhir zaman, dan hendaklah ia takwilkan hadis Israk dan Mekraj dan hendaklah ia takwilkan segala hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam permainan di hujung mulut dan penanya, dan hendaklah ditakwilkan hadis-hadis itu ikut suka hatinya, menurut akalnya yang fasid dan dungu itu, jika semuanya ia takwilkan nescaya ia akan sesat sedalam-dalamnya, dan ia akan rugi sebenar-benar rugi (kerana di hadapan kita ada anak-anak Majusi yang tidak perkenan akan ajaran-ajaran Islam pada zaman Khalifah Khalifah Al-Makmun dan saudaranya Khalifah Al-Mutasim, dari angkara anak-anak Majusi itu timbul puak Batiniyyah yang berbagai-bagai gelaran dan nama dalam negara Islam dan puak sesat dan kufur di sebelah Tenggara Asia telah mentakwilkan ugama Islam, lalu mereka keluar dari ugama Islam dan meninggalkan ajaran Islam dan jadi batu api neraka Na'auzu Billahi Minaz-Zaighi Wal-Kufri).



WALLAHUAKLAM....

'Hayati 'Akidah Kita Dengan Amalan' tema Sambutan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — 'Hayati 'Akidah Kita Dengan Amalan' adalah tema sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang akan diadakan serentak di seluruh negara pada 25 November depan.

Menurut Ustaz Haji Ibrahim bin Pehin ORI Laifa Dato Haji Ismail, sambutan Maulud pada tahun ini yang akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara akan diadakan sedikit perubahan, di mana peserta lelaki dan peserta wanita yang akan menyertai perarakan akan berbaris

secara berasingan dengan mengikut bahagian masing-masing.

Pada tahun ini peserta lelaki akan berarak melalui jalan seperti biasanya yang dilalui di tahun-tahun lalu. Manakala peserta wanita akan berjalan agak dekat iaitu melalui Jalan Sultan, Jalan Bendahara, Jalan Kianggeh, Jalan McArthur ke jalan Pemanca ke Jalan Sultan dan masuk semula ke Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Ustaz Haji Ibrahim menjelaskan tujuan sebenarnya perubahan perarakan Maulud

tahun ini di mana peserta lelaki dan peserta wanita itu diasingkan, adalah demi menjaga kesucian ugama Islam kerana menurutnya, adalah kurang elok dari pandangan Islam peserta lelaki itu dicampur dengan peserta wanita.

Kepada peserta peserta yang akan menyertai perarakan Maulud tahun ini bolehlah mendapatkan borang dan keterangan lanjut daripada Setiausaha Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1406, di tingkat dua bilik 312 Jabatan Hal-Ehwal Ugama di ibu negara.

KETENANGAN DAN KETENTERAMAN JIWA SYARAT KEBAHAGIAAN HIDUP



MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Ketenangan dan ketenteraman jiwa boleh dikatakan menjadi idaman

kepada semua orang. Jiwa yang tenteram, aman damai merupakan syarat utama kebahagiaan hidup seseorang. Dalam pada itu, perlu diingat, bahawa adalah jiwa itu pula sentiasa terdedah kepada gejala-gejala tekanan seperti takut, resah gelisah, keluh-

kesah, bimbang dan lain-lain perasaan yang kadangkala membawa seseorang itu hidup merana.

Ada orang yang mungkin bertungkus-lumus mencari kekayaan, kerana pada sangkaanya dalam harta yang banyak itu akan diperolehi ketenangan. boleh didapati segala yang membahagiakan hidupnya. Tetapi ternyata harta kekayaan kadangkala tidak juga dapat membahagiakan seseorang dengan sepenuhnya, bahkan jika silap-silap langkah dan salah perhitungan, harta kekayaan itu boleh menjerumuskan seseorang kepada berbagai-bagai penyakit jiwa, seperti mungkin menukarkan sifat seseorang yang asalnya lemah lembut dan pengasih kepada bersifat ganas dan kasar, dari seorang yang pemurah kepada seorang yang tamak haluba. Tetapi dalam pada itu, tidaklah pula dinafikan ada orang-orang yang beruntung dunia dan akhiratnya bila ia pandai menggunakan hartanya.

Oleh kerana ketenteraman jiwa itu menjadi idaman semua orang, maka semua orang pula akan berusaha mencarinya menurut cara dan kaca mata masing-masing. Mungkin ada yang sampai memperbanyakkan maksiat dan melakukan munkarat kerana disangkanya perkara itu dapat mententeramkan jiwa, seperti memakan dadah,

minum minuman yang ditegah Allah, bermain judi dan yang seumpamanya, yang tujuan pokok semata-mata ialah hendak mencari ketenteraman jiwa. Tetapi cara begini, cara yang bertentangan dengan agama itu bila dilakukan adalah tidak ubahnya seperti berubat dengan racun atau menambak penyakit yang telah sedia ada dengan penyakit yang lain pula.

Jiwa yang tenteram sangatlah diperlukan dalam kehidupan kita, terutama dalam memutuskan atau mengendalikan sesuatu urusan yang besar. Maka bagi memelihara dan mengasuh jiwa supaya sampai ke peringkat 'An nafsul mutamin'ah' (jiwa yang tenang tenteram), maka agama Islam telah menyediakan banyak cara atau kaedah bagaimana hendak mententeramkan jiwa dan menghindarkannya daripada gangguan-gangguan perasaan yang tidak menentu.

Di antara banyak cara untuk mententeramkan jiwa menurut pandangan Islam ialah dengan melakukan apa jua jenis ibadat, terutama pokok atau asas-asas ibadat, seperti bersembahyang, puasa, berzakat, melakukan ibadat haji dan lain-lain, kerana ibadat-ibadat yang disebutkan ini adalah di antara kemuncak seseorang itu

akan mengingat Allah.

Mengingat Allah dalam apa jua keadaan dan suasana adalah sangat-sangat disuruh oleh agama, kerana dengan mengingat Allah, insya Allah, akan dapat mententeramkan jiwa seterusnya mendalami iman terhadap-Nya, sebagaimana firman Allah yang ertinya kira-kira :

"Orang yang beriman itu dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah, ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati itu menjadi tenteram."

Selain daripada melalui ibadat-ibadat yang disebutkan di atas kita dapat mengingat Allah, juga secara yang lebih mudah dan pasti ialah melalui pembacaan Al-Quran. Sebab Al-Quran itu sendiri bernama kalam Allah, perkataan Allah, yang mengandungi rahsia sebagai penawar dan rahmat, sesiapa yang membacanya pasti beroleh cahaya berkat, yang menjadi ubat kepada hati, kepada rohani dan jasad sekali gus.

Kerana itulah, segeralah diambil peringatan oleh kita perkara ini, mudah-mudahan menjadikan kita orang yang suka beribadat, yang berdamai dengan Al-Quran sentiasa, dalam makna menghayatinya dengan belajar, membaca dan menurut ajaran-ajarannya.

PERKASA anjur peraduan Quran

BANDAR SERI BEGAWAN.

Persatuan Kampung Saba PERKASA akan menganjurkan musababah membaca Al-Quran terbuka kepada penduduk-penduduk Mukim Saba dan ahli-ahli Persatuan Perkasa akhir bulan Disember ini.

Jurucakap persatuan itu berkata bahawa peraduan itu antara lain bertujuan untuk menyebarkan Dakwah Islamiah, di samping meningkatkan mutu pembacaan kitab suci Al-Quran serta memupuk persaudaraan di kalangan para belia.

Peraduan tersebut terbahagi kepada dua bahagian iaitu bagi orang-orang dewasa dan kanak-kanak yang berumur 13 tahun ke bawah lelaki dan perempuan.

Borang-borang dan keterangan lanjut boleh didapati daripada Awang Haji Yamin bin Haji Saat, Kampung Saba Darat B, Awang Haji Hashim bin Haji Safar, Kampung Saba Darat A, Awang Haji Sarbini bin Haji Ibrahim, Kampung Saba Laut dan Awang Haji Suhaili bin Haji Ahmad, Kampung Saba Tengah.

Kesemua penyertaan hendaklah dihantar kepada pihak penganjur tidak lewat daripada 1 November depan.

Derhaka kepada ibu bapa sama dengan syirik

BERBUAT baik kepada ibu bapa adalah perkara yang paling utama yang diwajibkan Allah di dalam Al-Quran kepada setiap orang Islam. Derhaka kepada ibu bapa adalah dosa yang hampir sama dengan syirik, perintah perintah menghormati Allah dalam Al-Quran seringkali dinisbi dengan ihsan atau berbuat baik kepada ibu bapa. Firman Allah Subhanahu Wataala yang bermaksud: "Tuhannu memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain daripada Allah dan Tuhannu memerintahkan berbuat baik kepada ibu bapamu, jika seorang di antara keduanya atau kedua-duanya telah lan-

gi usia, maka janganlah sekali-kali kamu mengeluarkan perkataan yang kasar kepada mereka. Hendaklah kamu selalu menggunakan kata-kata yang mulia dan lemah lembut kepada mereka, hendaklah kamu berakhlak dengan mereka seperti berakhlak dengan Allah." (Surah Al-Isa' ayat 23-24).

Inilah salah satu adab dan budi pekerti yang lahir yang ditunjukkan oleh Allah kepada kita, iaitu menghormati ibu bapa. Mereka sangat berusaha payah dan menanggung berbagai kesengsaraan kerana mendidik kita sejak lahir hingga dewasa, sebagai

tidak selakunya air susu di balas dengan air tuba pada masa ianya akan menutup kedua-dua matanya.

Memang jelas jasa kedua ibu bapa tidak dapat diukur apabila jasa tersebut diukur dengan timbangan harta benda, tentulah amat sulit. Hutang emas dibayar emas, hutang perak dibayar perak. Tetapi hutang budi dibawa mati. Dan budi ibu bapa kita tidak dapat diukur dengan harta yang manapun, kerana nilai harta dengan nilai jasa ibu bapa tidaklah sebanding. Dan dalam hal ini nilai jasa ibu bapa lebih mulia dan luhur dibanding dengan nilai

benda. Jasa ibu bapa terlampau banyak kepada anak-anaknya, sebab jasa yang dilimpahkan kepada anak ialah jasa yang tidak mampu dibalas, hanya diperintahkan supaya anak mensyukuri jasa ibu bapanya itu, celakalah anak yang melupakan jasa ibu bapa dan lebih celaka lagi kepada anak yang berbuat jahat kepada ibu bapa mereka. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Tidak dapat membalas seorang anak akan jasa ibu bapanya melainkan kalau ia dapat bapanya menjadi hamba lalu ia (anak) beli dan memerdekakannya." (Riwayat Bukhari dan

Muslim)

Taat kepada ibu bapa bererti berbuat bakti kepadanya, mengerjakan segala suruhannya selagi ia tidak bertentangan dengan hukum agama. Tidak layak seorang anak derhaka kepada ibu bapanya terutama membantah dengan perkataan yang kasar dan bersuara keras. Hal ini telah diperintahkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan sabda Baginda yang bermaksud: "Ta'at kepada Allah ialah taat kepada orang tua dan derhaka kepada Allah ialah derhaka kepada orang tua." (Riwayat Tabarani).

Menuju keredaan Allah

engkau bergaul dengan baik kepada keduanya di dunia."

Dalam ayat di atas, dijelaskan bahawa perintah mempersekutukan Allah tidak boleh ditaati, anak diperintahkan untuk tetap terus menjaga perhubungan dan bergaul dengan baik kepada ibu bapanya.

Anak haruslah menolong ibu bapanya dalam segala keperluannya, di waktu menolong itu tidak sekali kali menampakkkan muka masam atau keluh-kesah terhadap keduanya, hendaklah dilakukan dengan sukacita dan senang hati sebagaimana keduanya memelihara kita sejak kecil. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Keredaan Allah tergantung kepada keredaan ibu bapa, dan kemurkaan Allah bergantung kepada kemurkaan keduanya." (Riwayat Imam Tabarani).

Oleh itu sama-samalah kita berdoa semoga kita dijauhi dari kemurkaan Allah Subhanahu Wataala.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 30 Oktober, 1985 hingga ke hari Selasa 5 November, 1985 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHRI		ASAD		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK		MATAHARI TERBIT	
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir
Oktober												
30-31	12.10	3.27	3.28	6.08	6.09	7.22	7.23	4.47	4.33	4.48	6.04	6.05
1-5	12.10	3.27	3.28	6.06	6.07	7.20	7.21	4.47	4.33	4.48	6.04	6.05

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



TETAMU kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Ali bin Haji Mohd. Daud berucap melancarkan Kempen Pembinaan Pekan Bangar.

TINJAU PERKEMBANGAN DAERAH TEMBURONG

PEKAN BANGAR. — Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awg. Hj. Mohd. Ali bin Hj. Mohd. Daud dan ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian itu telah mengadakan lawatan dua hari ke daerah ini bagi meninjau dan mengenal pasti kawasan untuk taman permainan dan tamu besar tahunan daerah ini pada 19 Oktober lepas.

Ketibaan mereka di sini

dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Haji Damit, Penolong Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Salleh bin Pengiran Kamaluddin dan pegawai-pegawai kanan di daerah ini.

Menurut seorang pegawai kanan Kementerian itu, lawatan itu adalah juga salah satu projek tahunan Kementerian tersebut.

Tempat pertama yang dikunjungi oleh rombongan itu ialah tapak taman rekreasi seluas lima ekar di Kampong Batang Tuau.

Di sana, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah diberi taklimat oleh Pegawai Tanah Kanan Daerah Temburong, Awang Haji Ali Ahmad.

Setelah itu rombongan melawat ke Pos Imigresen Hujung Jalan. Setiausaha Tetap Kementerian dan Pegawai Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Dato Paduka Abidin bin Orang Kaya Perwira Abd. Rashid berkesudian menandatangani buku lawatan di pos itu.

Rombongan setelah itu bertolak ke kawasan Perkelahan Karangan bagi mengenal pasti kawasan untuk tamu tahunan dan taman permainan kanak-kanak.

Di sini Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sempat bertukar-tukar fikiran dan berbincang dengan para penghulu di daerah itu.

Seterusnya mereka beralih ke kawasan bekas Kem Bangar yang bersebelahan dengan Pejabat Daerah. Kawasan ini dirancang untuk dijadikan taman permainan.

Sebelum mengakhiri lawatan di hari pertama itu, rombongan telah meluangkan masa melawat dan meninjau ke Ibu Pejabat Bomba. Setiausaha Tetap Kementerian dan rombongan diberi penerangan tentang pelbagai kemudahan yang terdapat di pejabat itu.

Di sebelah petang, Dato Paduka Awg. Haji Mohd. Ali dan ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian itu telah mengadakan mesyuarat di Bilik Persidangan Pejabat Daerah.

PELITA BRUNEI difahamkan mesyuarat itu bertujuan bagi membincangkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh jabatan masing-masing. Setelah selesai mesyuarat kira-kira jam 4.00 petang, Setiausaha Tetap dan rombongan termasuk Pegawai Daerah Temburong dan Penolong Pegawai Daerah bertolak ke Dewan Kemasyarakatan menghadiri perjumpaan dengan penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang.

Pelbagai masalah seperti masalah tanah tumpang sementara — TOL, letrik dan telefon telah ditimbulkan di perjumpaan itu.

Di sebelah malam, Setiausaha Tetap Kementerian telah menjadi tetamu kehormat bagi melancarkan Jambori Di Udara yang pertama kali bagi daerah itu di Dewan Kemasyarakatan. Lebih 100 orang pengakap menyertai perhimpunan itu.

Sebaik sahaja selesai majlis pelancaran itu, Setiausaha Tetap dan rombongan pergi ke kawasan Perkelahan Karangan bagi menghadiri jamuan makan malam.

Di hari kedua, sebelah pagi, Setiausaha Tetap sekali lagi diberi penghormatan melancarkan kempen Pembinaan Pekan Bangar dan seterusnya menanam pokok-pokok bunga di kawasan itu. Peringatan iaitu acara terakhir dalam lawatan itu. Lebih 600 orang belia, penuntut dan kakitangan kerajaan dan pihak swasta menyertai pelancaran kempen itu.

Ahli-ahli rombongan yang menyertai lawatan itu ialah Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pegawai Daerah Belait, Pegawai Daerah Tutong, Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Pengawal Pasukan Bomba, Pengawal Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan, Pengarah Penjara, wakil Pengerusi Lembaga Bandar Seri Begawan, Pegawai Pentadbir Kanan Bahagian Sukatan dan Timbangan dan Pegawai Pentadbir Kementerian berke- naan.

Hindarkan perbuatan merosak keindahan alam sekitar

Oleh Abdul Karim HAB

PEKAN BANGAR. — Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud menyeru penduduk di daerah ini terus mengawal dan memelihara keindahan alam sekitar bagi kepentingan mereka dan generasi yang akan datang.

Katanya, perbuatan merosakkan keindahan alam sekitar hendaklah dicegah dan dihindarkan.

"Abiskita sudah bersusah payah membina daerah ini maka abiskita hendaklah memeliharanya dari perbuatan orang-orang yang tidak suka melihat daerah ini indah dan menarik," katanya ketika berucap merasmikan Pelancaran Kempen Pem-

binaan Pekan Bangar pada pagi Ahad 21 Oktober lepas.

Menurutnya, penyertaan penduduk Daerah Temburong dalam menjayakan kempen itu jelas membuktikan hasrat mereka untuk mewujudkan alam sekitar yang indah dan menarik.

Pengerusi Kempen, Pengiran Salleh bin Pengiran Kamaluddin dalam ucapan alu-aluannya menyeru penduduk Daerah Temburong agar terus melibatkan diri dalam setiap usaha yang berkebalikan bagi daerah ini.

Katanya, setiap kesulitan yang dihadapi hendaklah diselesaikan secara perun-

dingan.

"Daerah ini sangat perlukan tindakan-tindakan yang positif. Kita hendaklah bersikap banyak bekerja kurangkan bercakap," tegas beliau.

Seramai 600 orang belia, penuntut-penuntut sekolah, kakitangan kerajaan dan sektor swasta menyertai kempen itu di sekitar kawasan tugu peringatan di sini yang melibatkan penanaman lebih 300 batang pohon bunga.

Ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menyertai rombongan Setiausaha Tetap Kementerian itu telah juga diberi penghormatan menanam setiap seorang sebatang pokok.

Peraduan Lukisan & Mencipta Mainan Kanak-kanak ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan memaklumkan kepada semua Pengetua-pengetua Sekolah Menengah dan Guru-guru Besar Sekolah Rendah seluruh negara bahawa satu Peraduan Lukisan dan Peraduan Mencipta Mainan Kanak-Kanak ASEAN kali ke-3 sedang dibukakan kepada murid-murid dan penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

Peraduan ini adalah anjuran ASEAN COCI (ASEAN Committee On Culture and Information) melalui Komiti Nasional Brunei, dengan Jabatan Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menjadi jabatan penyelarasan.

PELITA difahamkan peraduan ini diadakan adalah bertujuan bagi memilih lukisan yang terbaik untuk dipamerkan di peringkat negara-negara ASEAN, yang mana nanti akan dapat memperkenalkan pelukis-pelukis muda Brunei kepada negara-negara ASEAN yang lainnya di samping saling mempelajari tahap perkembangan dan kemajuan pelukis-pelukis ASEAN.

Peraduan Lukisan Kanak-Kanak hendaklah bertepatan 'Permainan' iaitu permainan kanak-kanak termasuk permainan orang-orang dewasa yang di-

mainkan juga oleh kanak-kanak seperti permainan tempatan iaitu main gasing, kikir, titing, congkak, guli, berjalan dengan tempurung dan lain-lain lagi.

Peserta-peserta yang ikut serta dalam peraduan lukisan ini hendaklah berumur di antara 6 hingga 15 tahun pada 1 Januari 1986, yang mana akan dikumpulkan kepada tiga peringkat umur iaitu 6 hingga 9 tahun, 10 hingga 12 tahun dan 13 hingga 15 tahun.

Lukisan tersebut mestilah berukuran tidak melebihi 100cm x 100cm dan tidak kurang dari 30cm x 40cm dengan membubuh tajuknya sekali serta nama, tarikh lahir, alamat sekolah dan jantina.

Lukisan-lukisan yang memenangi peraduan ini akan menerima wang tunai sebanyak \$300 bagi pemenang pertama di peringkat umur 6 hingga 9 tahun. Tempat kedua \$200 dan ketiga \$100 dan lima hadiah sagu hati \$50 tiap-tiap satu.

Bagi peringkat umur 10 hingga 12 tahun akan menerima wang tunai \$350, kedua \$250 dan ketiga \$150 dan lima hadiah sagu hati \$75 tiap-tiap satu. Seterusnya bagi peringkat umur 13 hingga 15 tahun akan menerima wang tunai \$450, tempat kedua \$350

dan tempat ketiga \$250 serta lima hadiah sagu hati \$100 tiap-tiap satu.

Sementara Peraduan Mencipta 'Mainan' untuk kanak-kanak mestilah yang ada berkenaan dengan tema 'Permainan' dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pembaharuan mainan tradisi dan mainan kreatif dengan membubuhkan sekali cara-cara bermain mainan tersebut.

Peraduan ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu peringkat umur 10 hingga 12 tahun dan 13 hingga 15 tahun.

Bagi peringkat umur 10 hingga 12 tahun tempat pertama akan menerima hadiah sebanyak \$300, tempat kedua \$200 dan tempat ketiga \$100 beserta dengan lima hadiah sagu hati \$50 tiap-tiap satu. Manakala bagi peringkat umur 13 hingga 15 tahun, pemenang pertama akan menerima hadiah \$350, kedua \$250, ketiga \$150 dan lima hadiah sagu hati \$75 tiap-tiap satu.

Penyertaan dalam kedua-dua peraduan ini hendaklah dihantar kepada Pengunjung Peraduan, Muzium Brunei tidak lewat esok 31 Oktober 1985 atau sila berhubung dengan Awg. Abdul Rahim bin Hj. Ahmad atau Awg. Zainal bin Hj. Md. Daud beralamat Muzium Brunei, Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam atau telefon 24545.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Dalam Negeri menerima penerangan dari Pemeriksa Tanah Kanan Daerah Temburong, Awang Haji Ali Ahmad berkenaan tapak taman permainan di Kg. Batang Tuau.

DIJATUHKAN HUKUMAN DENDA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Bini bin Haji Mahmud, Penghantar Saman dari Jabatan Sukatan dan Timbangan Bandar Seri Begawan telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$500.00 ke atas setiap dakwaan, setelah didapati bersalah di bawah bab 5(a)(i) Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981. Dia telah ditenakan bagi membayar dendanya secara beransur-ansur.

Awang Bini berusia 26 tahun, dan telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini pada 16 Oktober atas tiga

pada 15 Oktober lepas kerana dengan secara tidak jujur menerima suapan sebanyak \$240.00 dari Chua Su Vui, Pengurus Projek kepada Yong Sok General Contractor sebagai ganjaran bagi memberi pertolongan untuk mendapatkan sambungan pass melawat bagi Chua Su Vui dan kawan-kawannya.

Sementara itu, Chua Su Vui yang berusia 53 tahun itu dan Pengurus Projek kepada Yong Sok General Contractor telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini pada 16 Oktober atas tiga

dakwaan memberi dengan secara tidak jujur suapan sejumlah \$240.00 kepada Awang Bini bagi mendapatkan sambungan pass melawat.

Chua Su Vui telah didapati bersalah di bawah bab 5(b)(i) Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981 dan telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$500.00 pada setiap kesalahan atau hukuman penjara selama 50 hari pada setiap kesalahan. Chua Su Vui, bagaimanapun, telah membayar denda tersebut.

DPB BERANGKAT TINJAU PERKEMBANGAN LATIHAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji

Sufri Bolkiah, berkenan berangkat mengadakan lawatan sambil meninjau perkembangan-perkembangan latihan yang dijalankan oleh badan-badan sukan di negara ini.

Di antara persatuan-persatuan sukan yang dikunjungi oleh Duli Yang Teramat Mulia itu ialah Pasukan Olahraga Kebangsaan di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Pasukan Badminton dan Bola Tampar di Pusat Belia, Pasukan Basketball di Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa dan Pasukan Tennis di Padang Kebajikan Belia dan Sukan di Berakas.

Kesemua badan-badan sukan itu ketika ini sedang mengadakan beberapa siri latihan bagi pemilihan peserta ke Sukan SEA di Bangkok akan datang.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, sepanjang lawatan-lawatan tersebut diiringi oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain serta lain-lain pegawai jabatan tersebut.

Pertemuan Sasterawan Nusantara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-IV pada 9 hingga 12 Disember 1985 akan datang.

Pertemuan Sasterawan serantau yang julung-julung kalinya diadakan di negara ini adalah diungkuayahkan oleh Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama ASTERAWANI dan dijangka akan diadakan di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada tarikh tersebut.

Kira-kira 12 buah kertas kerja utama dijangka akan dibahaskan di samping menghidangkan kira-kira 15 buah kertas kerja sampingan dan tambahan. Kertas kerja utama dan sampingan akan membahaskan pada keseluruhannya di sekitar permasalahan, peninjauan dan pencapaian serta pengukuhan sastera Melayu serantau.

Para pembicara nanti adalah terdiri daripada sasterawan, sarjana dan budayawan yang terkenal dengan keahlian masing-masing di rantau ini.

Pertemuan kali ini yang akan membawakan tema "Ke Arah Penyatuan Bahasa dan Persuratan Melayu Nusantara", juga akan membincangkan beberapa tajuk permasalahan dan pencapaian bahasa Melayu setakat ini di Nusantara.

Di samping itu perbincangan kertas-kertas kerja itu nanti akan diimbangi dengan acara-acara sosial dan persembahan kebudayaan Brunei.

Penyertaan yang hanya dihadkan kepada 200 orang ini, setakat ini telah menerima peserta-peserta dari wilayah Nusantara hinggalah ke Sri Lanka, Australia dan Eropah.

Dari itu orang ramai yang berminat untuk menyertai pertemuan tersebut bolehlah mendapatkan keterangan lanjut daripada Setiausaha, Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-IV, Dewan Bahasa dan Pustaka di sini atau mendapatkan borang penyertaan di mana-mana Cawangan Perpustakaan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 31 Oktober esok.

PESTA KESENIAN ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. Serombongan 20 orang artis dari negara ini telah berlepas ke Singapura bagi menyertai Pesta Kesenian ASEAN kali kelima Khamis lepas.

Rombongan tersebut diketuai oleh Awang Sumadi bin Sukaimi dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta Awang Haji Ramli bin Haji Md. Said, dari Jabatan Radio dan Televisyen.

Pesta selama seminggu itu bermula pada hari Sabtu lepas di mana rombongan dari Negara Brunei Darussalam telah mempersembahkan beberapa tarian seperti Alus Jua Dendang, Zapin, Adai-Adai dan Samalindang termasuk mempersembahkan taridra.

Kegiatan tersebut adalah satu projek jawatankuasa ASEAN bagi kebudayaan dan penerangan.



SETIAUSAHA Tetap Teknikal Kementerian Pembangunan, Pengiran Dr. Ismail melakukan acara undian bagi perlawanan pembukaan Piala Aziz — Gambar Oleh Haji Ahim Haji Ibrahim.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan berbulu mesra dengan jurulatih Pasukan Bola tampar Awang Hiro Hiyama di Pusat Belia. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.

Teamwork, Disiplin — faktor utama capai kejayaan

Oleh Ahat Ismail

kita yang akan datang dan kepada generasi-generasi seterusnya.

"Jika ini berlaku," tegasnya, "Maka masyarakat

kita akan mundur dan tidak akan dihormati. Tetapi saya percaya kita semua tidak akan membiarkan perkara ini berlaku malah saya yakin kita akan terus berusaha untuk menjauhkan dari perkara ini berlaku kepada masyarakat kita."

29 Jabatan sertai kejohanan Piala Aziz

SEJUMLAH 29 buah jabatan menyertai kejohanan Piala Aziz kali ini berbanding dengan tahun lepas iaitu sebanyak 25 pasukan. Kejohanan kali ini dibahagikan kepada empat kumpulan di mana juara dan naib juara setiap kumpulan akan memasuki peringkat suku akhir.

PELITA BRUNEI ketika membuat tinjauan kepada pengurus-pengurus pasukan yang menyertai kejohanan ini diberitahu bahawa peluang pasukan-pasukan tersebut memasuki peringkat suku akhir adalah sukar, memandangkan kepada keputusan undian terdapat sekurang-kurangnya empat pasukan terkuat diundi dalam kumpulan yang sama.

"Dalam hal ini kami terpaksa bermain berhati-hati. Sedikit kesilapan akan membahayakan kedudukan dalam perebutan tempat ke suku akhir," ujar salah seorang pengurus yang tidak mahu namanya disebutkan.

Bagi pasukan penyandang juara Jabatan Letrik meramalkan peluang mereka mempertahankan kejuaraan tahun ini adalah 50/50.

"Meskipun dalam kumpulan kami hanya dianggotai

oleh pasukan sederhana kuat, ini bukan berarti laluan kami begitu mudah ke suku akhir. Kita tidak tahu dalam permainan banyak perkara mustahil boleh berlaku, dan perkara ini semestinya diam-bil perhatian," ulas salah seorang pemain veteran pasukan Letrik.

Pengerusi Jawatankuasa Kejohanan Bola Sepak Piala Aziz, Awang Mohd. Kamis bin Haji Tuba, dalam ucapan alu-aluan pembukaan kejohanan tersebut mengesahkan para pemain bola sepak di negara ini supaya bermain mengikut disiplin.

Katanya, dengan cara itu akan dapat menghindarkan pelbagai perkara yang tidak diinginkan seperti kekacauan dan perkelahian dalam permainan.

"Kita tidak rela melihat kesucian sukan khususnya dalam lapangan bola sepak dicemari dengan perkelahian atau rusuhan seperti yang berlaku di negara-negara Barat," tegasnya.

"Biarlah permainan kita itu kaya dengan disiplin yang berorientasikan ketimuran yang ideal, yang mengandungi kesanggupan serta melambangkan identiti keBruneian sejati," tambah beliau.

Brunei gagal pertahan kejuaraan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Sepaktakraw Brunei gagal mempertahankan kejuaraan tahun lalu setelah tewas dalam kedua-dua perlawanan oleh Pasukan Sabah dan Sarawak di Kota Kinabalu.

Sarawak muncul sebagai juara bagi tahun ini apabila menewaskan Brunei 2-1 dan Sarawak 3-0. Ini

merupakan kejayaan yang kedua bagi Sarawak mengondol Piala Borneo sejak kejohanan ini diadakan pada tahun 1983 di mana pada tahun tersebut juga dijuarai oleh Sarawak.

Sabah selaku tuan rumah kejohanan kali ini hanya mampu menduduki tempat kedua apabila menewaskan Brunei 2-1 dan tewas kepada Sarawak 3-0.

MINGGU KESIHATAN KEBANGSAAN



SUDUT KESIHATAN

DIKELUARKAN OLEH
UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

Oleh : Mohd. Amin bin Abdullah
Merinyu Kesihatan Kanan,
Unit Kebersihan Makanan,
Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

SEPERTI juga di tahun-tahun yang lalu, pada tahun ini Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Kempen Kesihatan yang bermula pada 30 September — 5 Oktober 1985. Tema Minggu Kesihatan tahun ini ialah "MAKANLAH MAKANAN YANG BERSIH". Tema ini telah dipilih selaras dengan kemajuan semasa berhubung dengan makanan dan disesuaikan dengan tema

kesihatan sedunia bagi mencapai matlamat "KESIHATAN UNTUK SEMUA MENJELANG TAHUN 2000".


Sepanjang kempen tersebut berbagai aktiviti-aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan seperti peraduan kebersihan makanan bagi kedai-kedai makan dan minum, pameran kebersihan makanan dan seminar makanan bagi tukang-tukang masak Jabatan Pelajaran di seluruh negara.

Penghakiman-penghakiman bagi peraduan kebersihan kedai-kedai adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah dan Jabatan Perubatan dan Kesihatan. Di antara perkara-perkara yang dihakimkan adalah halaman dan longkang, bilik pelanggan, dapur, tandas, kawalan makanan, kebersihan persendirian dan pembuangan sampah-sarap.

Sijil-sijil telah dikeluarkan kepada yang mencapai tahap 70% kebersihannya ke atas dan hadiah-hadiah telah juga diberikan terhadap kedai-kedai yang mencapai 90%. Majlis penyampian sijil-sijil dan hadiah-hadiah itu telah disempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz pada pagi 5 Oktober 1985 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Seminar Makanan bagi tukang-tukang masak Jabatan Pelajaran pula telah berlangsung serentak di seluruh negara pada 6 Oktober, 1985 kecuali Daerah Temburong yang mana ianya telah diadakan pada 13 Oktober, 1985. Bilangan tukang-tukang masak yang terlibat dalam seminar itu adalah dianggarkan 600 orang.

Tujuan utama seminar itu dianjurkan ialah supaya taraf kebersihan makanan-makanan yang disediakan oleh tukang-tukang masak tersebut akan lebih terjamin



GAMBAR atas dan bawah kelihatan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan ketika menjalankan pemeriksaan ke atas kedai-kedai makan dan minum semasa Kempen Kesihatan Kebangsaan dijalankan.

dan selamat untuk dimakan oleh murid-murid sekolah. Langkah-langkah sedemikian sudah tentu akan mengurangkan kes-kes penyakit-penyakit berjangkit yang berpunca daripada makanan-makanan yang telah dicemari oleh serangga-serangga seperti lalat, lipas, tikus dan kuman-kuman yang merbahaya di kalangan murid-murid sekolah di seluruh negara.

Antara topik-topik yang diceramahkan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan itu adalah kebersihan persendirian, cara-cara bekerja yang bersih, cara-cara makanan tercemar, cara-cara menjaga makanan, menghidangkan makanan, kawalan serangga/tikus dan pembuangan sisa-sisa makanan dan sampah-sarap.

Khidmat bakti yang diunkayahkan dalam menjaga kebersihan makanan agar selamat, sudah tentu menjadi tujuan utama terbentuknya Unit Kebersihan Makanan, Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam. Antara fungsi-fungsi unit ini adalah memproses permohonan-permohonan kedai-kedai makan dan minum, kedai-kedai runcit, penaja-penaja, kantin-kantin dan seumpamanya, menyiasat penyakit-penyakit berjangkit, menyiasat aduan-aduan orang ramai mengenai makanan, mengambil contoh makanan yang sudah dimasak, dan aiskrim sama ada yang diimport dari luar negeri atau dari kilang-kilang

tempat untuk dianalisis dan dimakmal, memberikan perkhidmatan suntikan untuk orang awam dan lain-lain.

Kita amat bertuah kerana langkah-langkah menjaga kesihatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini semakin dipergiatkan dari masa ke semasa bukan sahaja oleh

pihak Jabatan Perubatan dan Kesihatan malah juga pihak-pihak Lembaga Bandaran dan Jabatan Daerah. Walau bagaimanapun usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan tidak akan mencapai matlamat yang dihasratkan tanpa sokongan dan kerjasama penuh dari orang awam dan pihak-pihak yang terlibat.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan menyampaikan sijil kepada Pengurus Restoran Sayap Merah, Seria (atas) sementara gambar bawah kelihatan sebahagian dari tukang masak sekolah-sekolah Daerah Temburong yang menghadiri seminar tersebut.



KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SAMPUL SURAT KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN, KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1986

1. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, Hari Isnin 25 November, 1985 bagi membolehkan perkara-perkara di bawah ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam bagi Pembekalan 1986. Banyak serta penentuan-penentuan tentang Jenis/Ukuran/Bahan dan Gaya seperti berikut:—

PERKARA	KETERANGAN-KETERANGAN JENIS/UKURAN/BAHAN/GAYA	BANYAK
1.	Manilla Envelopes DL 110 x 220mm 75-80 gm. Wallet cut dengan side seam serta garisan bertekstur "URUSAN KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA" di atas lipatan sampul surat dan garisan hendaklah berupa kotak.	1,000,000 Keping.
2.	Manilla Envelopes CS 162 x 229mm 100 gm. Wallet cut atau Open End dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	400,000 Keping.
3.	Manilla Envelopes 254 x 305mm 120 gm. Open End dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	200,000 Keping.
4.	Manilla Envelopes 381 x 406mm 120 gm. Open End dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	150,000 Keping.
5.	Manilla Envelopes 381 x 457mm 120 gm. Open End dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	90,000 Keping.
6.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes DL 110 x 220mm 150 gm. Wallet cut atau Open End dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	200,000 Keping.
7.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes CS 162 x 229mm 150 gm. Open End dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	100,000 Keping.
8.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 254 x 305mm 150 gm. Open End dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	50,000 Keping.
9.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 381 x 406mm 150 gm. Open End dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	80,000 Keping.
10.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 381 x 457mm 150 gm. Open End dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	40,000 Keping.
11.	Manilla Envelopes 165 x 102mm 75-80 gm. Open End dengan side seam dan quick seal atau seal-Fast Adhesive dan tidak bertekstur.	500,000 Keping.
12.	Manilla Window Envelopes DL 110 x 220mm 100 gm. Wallet cut dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	500,000 Keping.
13.	Crocodile atau Conqueror White Wove Airmail Envelopes DL 110 x 220mm 100 gm. Wallet cut dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	250,000 Keping.
14.	Conqueror High White Laid Envelopes DL 110 x 220mm 100 gm. Wallet cut dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	50,000 Keping.
15.	Conqueror High White Laid Envelopes 120 x 234mm 100 gm. Wallet cut dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	50,000 Keping.
16.	White Envelopes DL 110 x 220mm 80 gm. Wallet cut dengan side seam dan bertekstur seperti perkara (1).	150,000 Keping.
17.	Pocket File Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 150 gm. 235 x 305 x 25mm dan tidak bertekstur.	100,000 Keping.

PENENTUAN-PENENTUAN KHAS

- Semua Sampul Surat mestilah mempunyai 50mm penutup untuk mencetak panji-panji Kerajaan/nama dan alamat di atasnya.
- Pilihan kedua kertas Manilla ialah Kertas Glazed Kraft/Kertas Tan Kraft, bagaimanapun yang ditetapkan hendaklah ditamakkan.
- TYPEFACE yang digunakan untuk mencetak garisan kotak di lingkungan "URUSAN KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA" hendaklah GOUTY OLD STYLE dan ukuran type mengikut ukuran sampul-sampul surat seperti berikut:—

C6-144 x 162 mm	— 12 point Type.
L-110 x 220 mm dan C5-229 x 162 mm	— 14 point Type.
254 x 305 mm	— 24 point Type.
305 x 406 mm dan 381 x 457 mm	— 36 point Type.

PERINGATAN

- Tebal garisan kotak hendaklah menggunakan 2 point tebal garisan (Line thickness).
- Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.
- Semua tawaran-tawaran hendaklah disertakan dengan contoh sama ada contoh sampul surat yang siap ataupun contoh kertas yang dipaparkan ini termasuklah penerangan-penerangan tentang bahan-bahan dan gaya-gaya yang digunakan. Harga tawaran mestilah harga termasuk menghantar hingga ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tawaran yang tidak disertakan dengan contoh-contoh serta penerangan-penerangan lengkap tidak akan dilayan.
- Tawaran hendaklah dibayar dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda sipengirim.
- Tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dengan menanda di sampul surat itu:—

PEMBEKALAN SAMPUL SURAT 1986 KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN, KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

VI. Borang Tawaran dan penentuan boleh diperolehi dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam semasa pejabat dibuka.

VII. Cagaran Tawaran sebanyak \$2,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam dan salinan resitnya HENDAKLAH disertakan dengan tawaran yang dibidakan. Cagaran ini akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya. Cagaran akan juga dikembalikan kepada Syarikat-Syarikat yang berjaya setelah ia habis membebankan kertas-kertas yang ditawarkan kepadanya.

VIII. Syarikat-Syarikat yang berjaya akan mengikat kontrak dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya membebankan Sampul Surat sepanjang tahun dengan mengikut harga-harga tawaran.

IX. Syarikat-Syarikat yang berjaya adalah juga dikehendaki mengikat kontrak dan bersetuju membebankan sampul surat dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut:—

- 50% hendaklah dibayar dalam masa 45 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.
- 50% hendaklah dibayar dalam masa 60 hari selepas tempoh penghantaran pertama.

X. Kerajaan berhak menolak tawaran atau mengenakan denda sebanyak \$20.00 sehari bagi pembekal yang lambat menghantar atau membatalkan kontrak dengan pembekal pada bila-bila masa tanpa notis jika tidak mengikut peraturan-peraturan yang tertera di atas.

XI. Syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu kontrak dengan Pengarah Percetakan dan bersetuju mengikut syarat-syarat kontrak itu dan peraturan-peraturan Kerajaan yang berjalan pada masa ini.

XII. Kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/MTB/174/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam, sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 6 November, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

REPAIR AND MAINTENANCE 28 FEET TUBULAR STEEL POLES, STRUTS AND STAY RODS AT VARIOUS AREAS IN KAMPONG AYER

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/201/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 6 November, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

REINFORCEMENT OF OVERHEAD LINE AT JALAN HAJI OMAR, GADONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/202/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam, sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 6 November, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

NEW ELECTRICITY SUPPLY TO COOK HOUSE AND BARRACKS AT PENANJONG CANTONMENT, TUTONG

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/203/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setia-

usaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam, sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 6 November, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO LABOUR LINES AT MILE 29, JALAN TUNONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/204/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 6 November, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

CONSTRUCTION AND COMPLETION OF ONE BLOCK TELECOMS SWITCH HOUSE AT SERIA POWER STATION.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/207/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 6 November, 1985 bagi

kerja-kerja berikut:—

WAYLEAVE CLEARING OF 66KV OVERHEAD TRANSMISSION LINES FROM MUARA TO GADONG 66KV.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/208/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 6 November, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

SUPPLY, FABRICATION AND INSTALLATION OF CABLE BRIDGES AND ROAD CROSSING CABLE DUCTS ALONG JALAN GADONG, MUKIM GADONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/206/1985

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN KILANAS, UNTUK MASA TIGA (3) TAHUN.

Tarikh tutup: 13 November, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

Telecommunications Department Tender Notice

PROJECT No. P2166 TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with Class A or B Classifications.

2. The said tenders are for construction of Manholes and Duct Routes at Jalan Berakas - Jalan Delima Dua for the Feeder Network to Cabinet No. 5 - North Exchange.

3. Tenders should be placed in the Tender Box placed in the 4th Floor of the Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Monday 2nd December, 1985. Any tenders received later than this will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

"CONSTRUCTION OF MANHOLES AND DUCT ROUTES FOR CABINET NO. 5, ANGEREK DESA - P 2166"

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of

Telecommunications at Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of \$300.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The government of His Majesty the Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 9.00 a.m. on 13th November 1985 at the Ground Floor, Telephone House, Telecoms Headquarters, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

\$20 JUTA UNTUK BINA SEKOLAH MENENGAH ARAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Rancangan Kemajuan Negara telah memperuntukkan \$20 juta bagi membina sebuah Sekolah Menengah Arab yang baru.

Menurut Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Jabatan Hal Ehwal Ugama sedang mencari tapak yang sesuai bagi sekolah itu.

"Sekolah itu diharap akan dapat menampung pengambilan penuntut yang semakin meningkat. Permohonan masuk ke sekolah ini semakin bertambah, jadi adalah tidak munasabah permohonan-permohonan itu hanya terpilih kepada golongan yang sedikit," jelasnya.

Yang Dimuliakan berucap demikian di Majlis Perpisahan bagi II orang penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah

Oleh Abdul Karim HAB

yang melanjutkan pengajian ke Universiti Al-Azhar yang berlangsung di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Anak Damit malam Rabu minggu lepas.

Yang Dimuliakan Pehin menyeru pelajar-pelajar berkenaan agar tekun belajar bagi memenuhi hasrat negara, rakyat termasuk ibu bapa mereka.

Menurutnya meskipun ketika ini terdapat kira-kira 60 orang yang telah lulus dari Universiti Al-Azhar tetapi bilangan itu belum mencukupi.

"Kita memerlukan banyak lagi yang berkelulusan di bidang ugama. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sentiasa memberi peluang kepada penuntut-penuntut yang berkelulusan melanjutkan pelajaran," tegas tetamu kehormat itu.

Selanjutnya Yang Dimuliakan mendedahkan punca kemerosotan pelajaran para penuntut negara ini di Universiti Al-Azhar. Katanya, masalah itu timbul kerana kurangnya penguasaan dalam bahasa Arab.

Yang Dimuliakan Pehin mengingatkan guru-guru dan para pelajar sekolah itu mengambil perhatian meningkatkan penguasaan bahasa berkenaan.

"Kalau sekiranya kedua buah sekolah ini tidak boleh meningkatkan pengajian bahasa Arab, kita akan sentiasa mendapati buah-buah yang gugur yang belum masak terpaksa balik dari Universiti Al-Azhar dengan tangan kosong."

Penuntut-penuntut yang diraikan pada malam itu terdiri dari Awang Daud bin Johari, Awang Serudin bin Timbang, Awang Saidi bin Hitam, Awang Abd. Kahar bin Hussin, Awang Jamil bin Haji Hitam, Dy. Rogayah Pehin Khatib Hj. Wahid, Dy. Azizah bte Sudin, Dy. Nor-mah bte Md. Daud, Dy. Barizah bte Hj. Ibrahim, Hanita bte Abu Bakar dan Siti Salbiah Hj. Jumat.

Di antara yang hadir ialah, Yang Dimuliakan Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Timbalan Kadi Besar dan Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama.



MENTERI Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lalla Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, bersama-sama dengan tetamu-tetamu khas semasa majlis kursus dan orientasi UBD — Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.

Usaha research dianggap penting

Dari muka 1

berbudi pekerti, berilmu dan berkemahiran, sentiasa taat kepada Allah, setia kepada Raja dan taahukan dirinya agar mereka benar-benar mampu menyelesaikan kerumitan masyarakat dan bukanlah menambahkan kerumitan," tegasnya.

Selanjutnya Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan rancangan lanjut UBD antara lain menganggap penting usaha-usaha research atau pengkajian yang secara langsung boleh mendatangkan kemanfaatan kepada negara serta masyarakat yang terdapat di dalamnya atau sebagai satu sumbangan yang baik kepada dunia akademik yang memen-

tingkan unsur-unsur kestabilan masyarakat.

Yang Dimuliakan Pehin juga menyatakan mengenai apa yang disebut sebagai kebebasan pengajian atau 'academic freedom' yang tidak bertentuan.

Menteri Pelajaran itu mengingatkan para pensyarah dan mahasiswa supaya tidak terikut-ikut dengan pengertian socio-academic freedom sebagaimana yang berlaku di lain-lain negara yang mengabaikan batas-batas sopan santun dalam hubungan semasa sendiri di Universiti.

"Kita ingin supaya Universiti ini akan memberikan asuhan dan latihan batas-batas kemasyarakatan atau social framework yang

mengekalkan, yang tua dituakan, dan yang muda dinasihatkan dan dikasihi."

Menurutnya, sosio-academic freedom bagi UBD, antara lain adalah dengan maksud bahawa para mahasiswa boleh menjadi contoh teladan yang baik di bidang ilmu, budi pekerti dan cita-cita yang mulia ke arah memikul tanggungjawab kehidupan bernegara dan bermasyarakat.

"Kita sebenarnya berharap, semakin tebal ilmu di dada semakin mulia budi pekertinya, semakin jelas rasa tanggungjawabnya dan semakin nampak kebolehan untuk menjadi pergantungan ugama, bangsa, dan negara," jelasnya.

J.D.S. Katori, J.D.S. Makigumo berlepas pulang

MUARA. — Skuadron Latihan Tentera Pertahanan Laut Jepun yang terdiri dari dua buah kapal, J.D.S. KATORI dan J.D.S. MAKIGUMO tiba di sini pada pagi Rabu lepas dalam rangka latihan pelayaran 1985.

Menurut kenyataan Kedu-taan Jepun, latihan pelayaran selama 159 hari bermula pada 3 Jun lepas itu bertujuan meningkatkan kecekapan para

pegawai pelatih dalam bidang pelayaran dan kepimpinan mereka di samping meluaskan pandangan mereka dan memelihara persefahaman dan kerjasama di antara Negara Jepun dengan negara-negara yang dilawati.

Kedua buah kapal berkenaan telah dibuka untuk lawatan orang ramai pada petang Khamis lepas. Skuadron itu bertolak meninggalkan negara ini pada 26 Oktober lepas.

KETIADAAN SIARAN LANGSUNG UPACARA SEMBAHYANG JUMAAT DIULAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketiadaan siaran langsung upacara sembahyang Jumaat di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara beberapa bulan ini telah dibangkitkan oleh seorang peserta rancangan Lawatan Penerangan anjuran Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang diadakan di Bilik Persidangan jabatan itu pada hari Sabtu yang lalu.

Peserta tersebut telah mengulas ucapan yang dibuat sebelum itu oleh Pengarah Penerangan, Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin yang menyebutkan bahawa kejayaan pengembangan ajaran Islam di negara ini menepati sasarannya dengan lebih berkesan kerana ia disokong oleh langkah Kerajaan yang sentiasa meninggikan syiar Islam, yang mana langkah tersebut memberikan keyakinan kepada orang ramai mengenai kesungguhan semua pihak pada

memelihara kedudukan serta corak Negara Brunei Darussalam sebagai negara Melayu Islam Beraja (lihat laporan di muka 2).

Menurut peserta itu, ketiadaan siaran langsung sembahyang Jumaat menerusi radio dan televisyen dalam beberapa bulan terakhir ini menjadi tanda tanya dan mendukacitakan orang ramai. Katanya, rancangan tersebut sangat berfaedah bagi masyarakat Islam khususnya dan menjadi tanda kemajuan Islam yang membuktikan kedudukannya yang penting sebagai ugama rasmi negara ini yang sentiasa mendapat perhatian dari dalam dan dari luar negeri.

Dalam jawapannya, Pengarah Penerangan telah menjelaskan bahawa dari apa yang ia difahamkan oleh pihak-pihak berkenaan, rancangan tersebut ditiadakan buat sementara dan bukan diberhentikan untuk selamanya.

Berdasarkan hal itu, Pengarah Penerangan menyatakan bahawa orang ramai patut menaruh keyakinan kepada sokongan Kerajaan terhadap langkah-langkah meninggikan syiar dan ajaran Islam seperti menerusi siaran radio dan televisyen, sebab Kerajaan menyedari kepentingan mengembangkan ajaran Islam bagi memelihara corak masyarakat yang teguh berpegang kepada nilai-nilai murni yang akan menjamin kemantapan negara secara berterusan.

Orang ramai, kata Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib, perlu meyakini akan pendirian Kerajaan mengenai hal tersebut sambil mereka mestilah mengelakan daripada sebarang anggapan yang boleh menjejaskan kepentingan ajaran Islam yang selama ini terbukti melahirkan rakyat yang taat kepada Allah dan kepada raja serta mencintai negara.

K'jaan Kebawah DYMM ikrar sumbangkan £ 1 juta setahun

NASSAU, BAHAMAS. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berikrar untuk memberikan sumbangan 1 juta paun setiap tahun selama tiga tahun akan datang kepada Tabung Kerjasama

Teknikal Komanwel.

Bagaimanapun, sumbangan itu akan tertakluk kepada kadar inflasi.

Dalam sepucuk warkah kepada Setiausaha Agung Komanwel yang dibacakan oleh seorang jurucakap Komanwel Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah Baginda tertarik dengan matlamat-matlamat yang diberikan mengenai kegiatan tabung itu.

Menurut Baginda, sumbangan itu adalah sebagai syukur seruan bagi mendapatkan bantuan untuk tabung berkenaan dan sempena penyertaan Negara Brunei Darussalam ke Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap sumbangan itu akan dapat membantu mengekalkan kadar kegiatan tabung itu.

Sumbangan yang disifatkan oleh Pegawai-Pegawai Komanwel yang besar itu

telah dialu-alukan oleh negara-negara anggota yang lain.

Tabung Kerjasama Teknikal Komanwel ditubuhkan pada tahun 1971 untuk memberikan bantuan teknikal kepada negara-negara membangun di kalangan Komanwel.

Pembelajaran bagi tahun 1983 dan 1984, dianggarkan berjumlah 20 juta paun.

Kira-kira 15 peratus digunakan untuk melatih warganegara Komanwel, kursus-kursus penempatan atau lawatan-lawatan ke negara-negara membangun Komanwel yang lain.

Rancangan utamanya yang lain termasuklah memberikan bantuan kepada kerajaan untuk memulakan perusahaan-perusahaan baru dan bagi mengekalkan eksport.

Pada keseluruhannya pihak tabung percaya kemahiran yang diperolehi di sebuah negara membangun adalah mudah untuk dipraktikkan di negara membangun yang lain.